

# RAHSIA KEJAYAAN

## Empire Classic Furniture



### PROFIL

NAMA	Tan Lian Chai
JAWATAN	Pengarah Eksekutif
UMUR	47 Tahun
ASAL	Melaka

### 1 BAGAIMANAKAH PERMULAAN EMPIRE CLASSIC FURNITURE?

Empire Classic Furniture bermula daripada perniagaan berskala kecil di cawangan pertamanya yang terletak di Berjaya Times Square, pada 2005. Dalam jangka masa 6 tahun dengan pemilikan bangunan dua tingkat; Wisma Empire Classic Furniture membuktikan bahawa Empire Classic Furniture terus unggul mengembangkan sayap niaga sebagai peneraju untuk pengedaran perabot klasik mewah, candelier dan aksesori hiasan rekaan daripada pengeluar terkenal luar negara. Pelantikan Anita Sarawak sebagai jurucakap pula secara tidak langsung memberikan gambaran tentang produk Empire Classic Furniture yang sememangnya untuk individu yang mementingkan kualiti dan kesempurnaan rekaan. Sehingga kini, Empire Classic Furniture mempunyai empat cawangan berlokasi di Ampang, Damansara Heights, Shah Alam dan Desa Petaling, dengan kawasan operasi lebih 50,000 kaki persegi.

EMPIRE CLASSIC FURNITURE SEMAKIN MENDAPAT PERHATIAN SEBAGAI PREMIS PENERAJU PERABOT KLASIK YANG BERKUALITI TINGGI. PERTEMUAN DENGAN PENGARAH EKSEKUTIF EMPIRE CLASSIC FURNITURE BARU-BARU INI MEMBAWA IMPIANA MEMAHAMI VISI, MISI DAN PERJUANGAN BELIAU UNTUK MENGEMBANGKAN EMPIRE CLASSIC FURNITURE SEPERTI MANA HARI INI.

## 2 APA ISTIMEWANYA EMPIRE CLASSIC FURNITURE?

Empire Classic Furniture mempunyai jenis perabot komprehensif yang elegan, grand fine classic terdiri daripada sofa, set bilik tidur, set meja makan, kabinet, candelier kristal dan pelbagai aksesori menawan. Kami juga menyediakan pereka perabot terlatih dan berpengalaman bagi membantu pelanggan membuat pilihan. Pelanggan juga digalakkan berkongsi pendapat dengan pereka kami untuk mencipta kediaman ideal. Selain itu, pilihan perabot yang versatil juga membolehkan ia ditempatkan di mana sahaja; kediaman, hotel, restoran dan projek kerajaan.

## 3 BAGAIMANA PULA DENGAN SAMBUTAN ORANG RAMAI TERHADAP PROMOSI YANG DILAKUKAN OLEH EMPIRE CLASSIC FURNITURE?

Sambutan amat menggalakkan terutamanya pada hujung-hujung minggu dan cuti am. Merujuk kepada sambutan perayaan terutamanya Hari Raya pada bulan September, Empire Classic Furniture akan mengadakan iHome Deco Furniture Festival bertujuan memberikan penghargaan kepada pelanggan setia kami dengan memberikan diskaun besar-besaran sehingga 85 peratus.

## 4 APAKAH YANG MEMBEZAKAN EMPIRE CLASSIC FURNITURE DENGAN PRODUK JENAMA LAIN?

Kami mengamalkan 'ONE STOP, ALL IN ONE' yang memberikan kemudahan terbaik bagi dekorasi iaitu sebagai pusat sehenti yang memberikan perkhidmatan panduan pembelian, menyediakan konsultan rekaan kediaman yang profesional, menjual produk pelengkap dekorasi seperti kertas dinding, langsir, bunga dan produk dekoratif yang istimewa, menawarkan perkhidmatan penghantaran dan pemasangan seluruh negara serta sentiasa memegang prinsip 6S dalam perkhidmatan kami iaitu > Smiling > Sincere > Satisfaction > Speed > Specialty > Survey.

## 5 PRINSIP ANDA UNTUK BERJAYA DALAM PERNIAGAAN?

Kejayaan yang dicapai pada masa kini adalah kerana kemampuan saya mengagihkan masa dan fokus secara sihat di antara karier dan kehidupan peribadi. Saya telah mengalami banyak rintangan sebelum menikmati kejayaan pada hari ini. Saya merentasi pelbagai kesukaran dengan penuh profesionalisme dan tidak pernah sekali pun membiarkan sesuatu menggugat integriti. Bagi mewujudkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan, kami perlu selektif memilih perabot yang terbaik di seluruh dunia. Selain itu, kami turut menyasarkan matlamat menjadi peneraju pasaran perabot klasik di Malaysia dengan menitik beratkan kualiti dan rekaan perabot.

## 6 APAKAH CABARAN YANG DIHADAPI UNTUK MEMBAWA EMPIRE CLASSIC FURNITURE BERADA DI TAHAP SEKARANG?

Melihat di Malaysia pada masa hadapan, saya percaya kita akan menjadi sebuah negara yang berkembang. Bagaimanapun setiap individu perlu bekerjasama untuk menjadikan impian ini satu kenyataan. Empire Classic Furniture ditubuhkan untuk sebuah kejayaan. Iaitu kejayaan yang dibina di atas kerjasama semua anggotanya untuk memastikan yang terbaik demi mengenggam sebuah kejayaan. Sebagaimana yang saya selalu katakan, 'I sowing the good seeds to ensure the good harvest'.

## 7 INSPIRASI ANDA DALAM DUNIA PERNIAGAAN?

Saya mendapat banyak inspirasi daripada kunjungan ke beberapa pameran rekaan perabot antarabangsa seperti di Milan, Spain, Amerika, Shanghai, Guangzhou dan beberapa lokasi lagi. Selain itu, inspirasi terhadap dunia perabot ini turut diperolehi daripada apa yang saya saksikan dan rasakan sepanjang kehidupan ini. Inspirasi ini turut diperkuatkan dengan keinginan menyaksikan Malaysia menjadi sebuah destinasi membeli belah perabot popular di dunia dan sekali gus dapat meledakkan industri pelancongan negara.

## 8 BERDASARKAN PENGALAMAN, APAKAH PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM INDUSTRI INI?

Saya berusaha keras untuk memberikan seleksi perabot menarik yang berkualiti tinggi berbanding kuantiti. Pelanggan masa kini kian bijak menilai dan didedahkan dengan pelbagai macam maklumat tentang produk yang ingin dibeli. Jadi kami perlu memperuntukkan masa untuk memahami keperluan pelanggan, membuat kajian dan tinjauan untuk memastikan pelanggan mendapat produk, perkhidmatan, penjagaan dan perhatian terhadap produk kami.

## 9 APAKAH RAHSIA EMPIRE CLASSIC FURNITURE BERKEMBANG DENGAN BEGITU PESAT SEKALI?

Empire Classic Furniture begitu sinonim dengan perabot klasik primer yang menakutkan kualiti tertinggi. Kami amat mementingkan perkhidmatan yang erat dengan para pelanggan selain secara konsisten menawarkan pilihan produk perabot berkualiti pada harga yang berpatutan. Kami juga sentiasa membina perhubungan yang erat dengan para pelanggan bagi mendapat kepercayaan dan keyakinan mereka. Saya tekankan di sini, untuk membina sebuah perniagaan yang teguh, kita perlu meletakkan pelanggan sebagai keutamaan, sentiasa jujur, amanah, bekerja keras dan tidak pernah mengalah dengan cabaran.

## 10 APAKAH HARAPAN ANDA TERHADAP MASA DEPAN EMPIRE CLASSIC FURNITURE? \

Saya melihat Empire Classic Furniture akan lebih berkembang dengan maju memandangkan sambutan yang amat menggalakkan semenjak perniagaan ini dimulakan dan strategi yang disusun rapi dapat membantu menaikkan nama Empire Classic Furniture dan amat berterima kasih pada duta Empire Classic Furniture; Anita Sarawak dan suaminya Mahathir kerana banyak mempromosikan nama Empire Classic Furniture.